


Perasaan Hasad Dengki Perosak Diri



HASAD adalah perkataan Arab yang diterjemahkan sebagai **DENGKI**. Makhluk pertama berbuat dengki di langit ialah iblis laknatullah. Orang pertama sekali yang melakukan dengki di dunia ialah Qabil ketika dia dengki terhadap saudara kandungnya, Habil sehingga berlakunya pembunuhan.

Daripada Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Jauhilah hasad (dengki) kerana hasad dapat memakan kebaikan seperti api memakan kayu bakar." (*Hadis Riwayat Abu Daud*).

DENGKI yang kita semua ketahui antaranya disebabkan harta, pangkat & kedudukan, kecantikan paras rupa dan kejayaan yang dimiliki oleh seseorang yang membuatkan si pendengki tidak senang duduk dan perlu memikirkan sesuatu untuk menjatuhkan pemangsa itu. **DENGKI** biasanya datang dalam pelbagai bentuk yang **NEGATIF**. Ada pendengki yang melakukan **fitnah**, melakukan **sikir** dan sehingga ke tahap **membunuh**.

Setiap manusia tentu memiliki hati. Hati inilah yang mempengaruhi tabiat dan sifat seseorang. Apabila hati ini baik, maka manusia tersebut akan memiliki sifat yang terpuji. Namun jika hati yang dimiliki seorang manusia telah penuh dengan niat jahat, ini merugikan diri sendiri dan orang lain. Apabila hati kita telah mati, hati kita tidak akan sensitif lagi terhadap dosa. Hati yang mati juga tidak akan tahan akan ujian yang menimpa. Hidup sentiasa dalam kegelisahan dan ketakutan.

Semuanya berpunca daripada nafsu. Nafsu itu adalah tempat berkumpulnya kekuatan ajakan kepada kejahatan dan keinginan dalam diri manusia.

Disinilah terkumpulnya sifat-sifat tercela, buruk, jijik, kotor dan segala rupa amalan yang membawa kepada dosa dan maksiat. Daripada nafsu inilah, timbulnya sifat mazmumah yang dipanggil penyakit hati seperti hasad dengki, buruk sangka, pemaarah, takbur, gila pujian, cintakan dunia, penakut dan juga sifat malas. Sifat dan penyakit ini harus dikikis, dirawat dan dibuang.

Oleh itu, sebelum penyakit hati ini bertambah teruk mari kita merawatnya. Empat (4) perkara asas merawat penyakit hati adalah:

1. *Tidak banyak bercakap kosong*
2. *Jaga emosi dan nafsu*
3. *Selalu mengingati Allah SWT / Tuhan*
4. *Jangan bergaul dengan orang yang ada penyakit hati*

Jangan kita jadikan dengki sebagai budaya kita kerana ia hanya membuatkan hidup kita tidak bahagia. Sifat cemburu adalah sebahagian naluri manusia di mana ia akan mendorong orang lain turut berusaha untuk berjaya. Kawal perasaan cemburu supaya ia tidak bertukar menjadi hasad.

Manusia yang berjaya kebiasaannya melakukan pengorbanan ketika dalam proses menuju kejayaan. Biasa kita dengar pengorbanan yang mereka lakukan bukan sedikit. Tanya pada diri, sekuat mana kita sudah berusaha untuk menjadi seperti mereka yang berjaya itu atau kita lebih banyak menghabiskan masa melakukan kerja tidak berfaedah?

Janganlah kita saling mendengki...

Tanamkan azam di dalam diri supaya sentiasa kearah sifat bersyukur dengan apa yang kita perolehi dan berusaha dengan lebih tekun dan jujur untuk mencapai kejayaan yang kita harapkan. Bak kata pepatah: ***Yang Bulat Tidak Datang Bergolek, Yang Pipik Tidak Datang Melayang.*** Sesuatu kejayaan (atau rezeki) perlu diusahakan dan tidak datang dengan sendirinya.

#Check-up-Hati:DONE ✓



4 PERKARA ASAS MERAWAT

PENYAKIT HATI

- ♥ Tidak banyak bercakap kosong
- ♥ Jaga emosi dan nafsu
- ♥ Selalu mengingati Allah SWT / Tuhan
- ♥ Jangan bergaul dengan orang yang ada penyakit hati

#Integriti20/2021

Carry a heart
that never hates.
Carry a smile that
never fades.
Carry a touch
that never hurts.
via curians.com



A healthy
mind does
not speak
ill of others.